

## Lagi kenyataan ‘Ulama’ tentang penderitaan orang Islam di Turkistan

Untuk menguatkan keterangan Kiyai Arshad Talib Lubis yang telah melawat ke Rusia tentang orang-orang Turkistan, sebagaimana yang telah kita siarkan dahulu, dan telah dijadikan risalah bagi anggota-anggota ikhwan, maka di sini kita siarkan pula keterangan yang diberi oleh Maulānā Rāghib Ahsān 2 seorang ‘ulama’ Pakistan, yang telah melawat juga ke Rusia. Di dalam lawatannya ini beliau telah menerangkan keadaan saudara-saudara umat Islam di Turkistan yang telah menderita dengan hebatnya di bawah penindasan komunis.

Risalah ini telah disiarkan di dalam “*Islāmīka Review*”. Maulānā Rāghib Ahsān di dalam rencana ini mengatakan bahawa beliau pergi ke Soviet Rusia adalah dengan niat hendak mendapat tahu sejauh manakah pengakuan Lenin hendak mempertahankan agama Islam beserta adat istiadat dan mengekalkan rumah-rumah ibadah mereka telah dilaksanakan. Untuk ini ia dengan mudah sahaja dapat mengetahuinya sejumlah besar daripada orang-orang Islam hampir ke semuanya sekali orang-orangnya yang ada sekarang ini dan 95 peratus daripada kaum muslimin telah terpisah langsung dengan ajaran-ajaran al-Qur’ān dan kebudayaan Islam.

Kita siarkan risalah ini adalah semata-mata dengan tujuan semoga kita menjadikan perbandingan dan peringatan kepada kita bersama bagaimana kecaman tekanan dan penindasan yang dilakukan kepada saudara-saudara kita umat Islam yang telah terletak di bawah pemerintahan komunis – P]

[Risalah ini, dengan tujuan hendak mengingatkan orang-orang kita daripada bahaya komunis yang sedang merebakkan pengaruhnya di negara kita, kita jadikan risalah kecil dan kita bahagikan percuma kepada seluruh anggota ikhwan, sebagai suatu langkah pertama di dalam usaha kita memberi bahan-bahan kepada anggota-anggota ikhwan dan seterusnya *Inshā-Allah*, kelak sekiranya peluang membenarkan siaran-siaran seperti ini akan kita usahakan mengadakannya jika ada bantuan-bantuan yang di dapat beserta dengan risalah-risalah agama yang berfaedah yang lainnya. Usaha kepada jalan ini tidak dapat dijalankan dengan segera – hanya dengan perlahan-perlahan jua – P]

Saya melawat Soviet Union dengan perasaan timbang rasa dan mahabbah sebagai seorang muslim. Saya pergi ke sana dengan fikiran yang lapang. Saya teringat

kepada isytihar atau pengakuan bersejarah yang dibuat oleh Stalin pada 15 November 1917 yang ditujukan kepada “pengikut-pengikut Nabi Muḥammad di Rusia dan di Timur” di antaranya ia mengenai demikian:

“Pengikut-pengikut Nabi Muḥammad di Rusia, kaum Tartar di Volga dan di Crimea, dianjuk kepada sekalian mereka yang masjid-masjid dan rumah-rumah ibadahnya telah dibinasakan, agama dan adat rasmi mereka yang dipijak-pijak oleh orang-orang Tsar, mulai sekarang, kepercayaan agama tuan-tuan, pertubuhan-pertubuhan kebangsaan dan kebudayaan tuan-tuan, adalah bebas dan tidak akan dicabul. Bentuklah kehidupan tuan-tuan dengan bebas dan tidak boleh digalang. Inilah hak tuan-tuan.”

Saya pergi ke Soviet Union dengan tujuan hendak mengetahui sejauh manakah pengakuan ini dihargai.

Sungguhpun pegawai Rusia yang berjawatan kuasasaha di Karachi telah memberi akuan kepada perwakilan 'alim 'ulama' Pakistan yang melawat Soviet Union bahawa "tabir besi akan disingkap dengan seluas-luasnya". Akan tetapi rancangan-rancangan lawatan kami semuanya sekali diatur atau ditetapkan oleh pihak pemerintah. Rancangan-rancangan lawatan itu tidak ada peluang sebegitu rupa hingga dipenuhi dengan sambutan-sambutan yang tidak mustahak dan tidak ada peluang bagi kami hendak pergi bersiar-siar sekehendak hati. Daripada jumlah enam buah negara Islam iaitu Uzbekistan, Tajikistan, Turkmenistan, Kazakhstan, Kyrgyz dan Azerbaijan, kami hanya dibenarkan melawat ibu-ibu kota Uzbekistan, Tajikistan dan Samarkand, dan beberapa buah kampung sahaja. Di kawasan Asia Tengah, ada peribahasa yang mengatakan – "Samarkand adalah cermin dunia, Bukhara adalah tiang kekuatan Islam". Sungguhpun kami telah berulang-ulang kali mengatakan ingin hendak melawat Bukhara akan tetapi kami sengaja dipesongkan dari keinginan tersebut. Kami rasa pihak yang berkuasa Soviet takut hendak menunjukkan keadaan di Bukhara kepada kami yang kami tahun keadaannya sangat buruk dan menyedihkan.

Kami telah juga ditahan daripada melawat kota Tirmiz, tempat lahirnya al-Imām al-Tirmidhī. Lawatan kami di kawasan Asia Tengah sehinggalah dihabiskan masanya di bandar Tashkent, ibu kota Uzbekistan yang dipengaruhi oleh Rusia.

Memanglah menjadi dasar pemerintahan komunis mencabut semua kepercayaan agama dan menggantikannya dengan ajaran Marx yang tidak percayakan Tuhan. Nikita Khrushchev sendiri pernah dikatakan telah berkata

demikian – "kami tetap tidak percayakan Tuhan, dan kita akan berbuat segala yang terdaya untuk membebaskan orang-orang yang masih dipengaruhi oleh ajaran-ajaran agama".

Radio *al-Mā Ata* di Republik Kazakhstan, telah membuat siaran seperti ini dalam bahasa Kazakh, "sungguhpun di luar Soviet Union membantah, akan tetapi dasar rasmi Soviet terus menetapkan bahawa Islam adalah tidak lebih dari satu cara hidup yang disusun, dibentuk dan dipelihara oleh golongan yang mahu menindas."

Kamus besar Soviet yang bernama "*The Large Encyclopedia*" (terbit tahun 1953, Jilid 18) memberi tafsiran mengenai Islam demikian bunyinya: "di negara Republik Soviet Union, sebagai hasil kemenangan sosialism dan penghapusan kaum penjajah Soviet Union, Islam hanya sebagai sisa masyarakat."

Pandangan dan pendapat saya tentang hal orang-orang Islam di Soviet Union adalah menepati pada keseluruhannya dengan keadaan yang disebutkan di atas ini.

Daripada jumlah 27,000 buah masjid di Turkistan, hanya tinggal beberapa buah sahaja sekarang ini. Di bandar Moscow sendiri, daripada empat buah hanya sebuah sahaja yang masih ada. Masjid ini pula dibuka hanya seminggu sekali iaitu untuk sembahyang Jumaat sahaja. Masjid di Leningrad yang didirikan oleh Amīr Bukharā dalam tahun 1910, pun dibuka seminggu sekali untuk sembahyang Jumaat sahaja. Kesemuanya sekali kami telah ditunjukkan sembilan belas buah masjid – sepuluh buah di Tashkent, empat buah di Samarkand, tiga buah di Stalinabad, sebuah di Moscow, dan sebuah lagi di Leningrad.

Masjid-masjid yang ditunjukkan kepada kami, baharulah sahaja dibaharui, disapu kapur dan cat untuk

menarik perhatian kami. Kami lihat hanya ada sebuah masjid baharu dan letaknya di bandar Stalinabad.

Makam Imam Bukhārī dekat bandar Samarkand, sangat buruk keadaannya. Begitu juga makam Khwaja Ya'qub Charkhi dekat bandar Stalinabad. Bangunan-bangunan madrasah di bandar itu juga sangat buruk keadaannya dan hampir-hampir hendak roboh.

Bukharā, ibu kota Turkistan, pada masa dahulu mempunyai 350 buah madrasah yang besar-besar dan menjadi tumpuan beribu-beribu orang penuntut dari Asia Tengah, Eropah, Rusia dan Kaukasia. Orang-orang komunis telah meruntuhkan semua madrasah-madrasah dan masjid-masjid di Bukharā. Sekarang ini mereka baharu hendak mendirikan semula sebuah madrasah bernama *Mīr Arab*, tetapi kami tidak tahu apakah dasar madrasah ini yang sebenarnya oleh kerana kami tidak dibenarkan melawat Bukharā. Di bandar Anjan dan di lain-lain tempat pada masa dahulu memang banyak madrasah tetapi pada masa ini madrasah-madrasah ini telah diruntuhkan dan setengahnya pula dijadikan panggung-panggung wayang dan tempat-tempat menari. Bukharā, Anjan dan lain-lain bandar yang dahulunya menjadi pusat kebudayaan Islam, semuanya menjadi kucar-kacir. Perbelanjaan untuk memelihara saki baki masjid-masjid itu hanyalah bergantung kepada derma dan khairat.

Pada 4 Julai 1957, perwakilan 'alim 'ulama' Pakistan ini telah mengadakan pertemuan khas dengan Amin Jan Qadir Wab, Menteri Pelajaran Republik Soviet Uzbekistan di bandar Tashkent. Ia mengatakan pihak kerajaan tidak dapat mengadakan pelajaran agama, dan pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah adalah berdasarkan kepada ajaran-ajaran Marx dan komunis. Semua bahagian pelajaran adalah diwajibkan.

Pada masa dahulu memang ada banyak kitab-kitab *Khāna* Islam di Bukharā, Samarkand, Anjan dan lain-lain tempat lagi berisi dengan beribu-ribu buah buku dalam Bahasa Arab, Parsi, Turki dan buku-buku tulisan tangan. Semua buku-buku ini telah dibakar. Semua rerumah telah diselongkar dan Qur'an serta kitab-kitab agama telah dirampas dan dibakar.

Dari sebab inilah kami tidak hairan bila melihat hanya ada beberapa dozen buku sahaja tersimpan dalam sebuah bilik kitab *Khāna* yang kecil kepunyaan al-Marhūm Qārī Ashān Bābā dan Qārī Dīyāu' al-Dīn Presiden Lembaga Islam Kazakhstan dan Asia Tengah di Tashkent. Di pusat kitab *Khāna Adāru al-Dunyā* di bandar Tashkent hanya ada



*Orang Kazak adalah kaum pemburu. Inilah seorang*

*Kazak dengan seekor burung helang rakan pemburunya.*

kira-kira 8,000 buah buku dan daripadanya hanya lebih kurang 250 buah buku lama berbahasa Arab. Semua kitab *Khāna* yang ditadbirkan oleh pemerintah adalah penuh dengan buku-buku Rusianya.

Pada Hari Raya '*Aidu al-Aḥḥā*, kami telah pergi berjumpa dengan Mirzā Mahmūd, Naib Perdana Menteri Republik Soviet Uzbekistan. Kami membantah kerana tidak diadakan hari kelepasan pada Hari Raya Korban. Ia menjawab bahawa orang-orang Islam dibenarkan pergi bersembahyang Hari Raya Korban tetapi untuk hari kelepasan agama memang tidak ada.

Kami telah pergi melawat orang-orang Islam di Tashkent dan di Stalinabad pada Hari Raya Korban. Hanya sedikit sahaja orang-orang Islam yang menunaikan korban. Harga seekor kibasy atau kambing biasa ialah di antara 800 hingga 1,200 rubel, dan harga seekor lembu dari 2,500 hingga 3,000 rubel, dan lagi di sana penjualan daging dikawal. Di antara perkara-perkara yang telah kami dapati ialah:

(1) Di seluruh Soviet Union Rusia, tidak ada sebuah pun sekolah rendah yang mengajar membaca Qur'ān atau pun ajaran-ajaran agama Islam kepada kanak-kanak lelaki atau perempuan. Orang-orang Muslim di sana tidak mempunyai kuasa, kebiasaan atau kemudahan untuk mengadakan sebuah madrasah.

(2) Di seluruh Soviet Rusia, orang-orang Muslim tidak mempunyai sebuah buku bacaan pun mengenai pelajaran-pelajaran agama yang serendah-rendahnya sama ada dalam Bahasa Turki, Parsi, Uzbuki atau sebarangnya dan mereka tidak ada kebiasaan boleh mengecap sebarang buku mengenai

agama atau kebudayaan Islam, atau pun riwayat hidup Nabi-nabi.

(3) Di Soviet Rusia, orang-orang Muslim tidak mempunyai sebuah pun surat khabar atau majalah mengenai agama dan kebudayaan.

(5) Di seluruh Soviet Union Rusia, tidak ada sebuah pun persatuan atau perikatan Islam yang tugasnya memberi syarahan-syarahan dan pengajaran-pengajaran Islam.

(6) Di seluruh Soviet Rusia orang-orang Muslim tidak mempunyai harta-harta wakaf yang boleh mendatangkan hasil untuk perbelanjaan masjid-masjid, madrasah dan sebagainya kerana mengembangkan agama Islam.

(7) Di seluruh Soviet Rusia, orang-orang Muslim tidak dibenarkan membawa masuk buku-buku dan majalah-majalah dari negeri-negeri lain.

(8) Dalam masa empat puluh tahun yang lalu, orang Muslim tidak dibenarkan mengecap atau menerbitkan kitab-kitab suci al-Qur'ān - baharu-baharu ini pemerintahan Rusia sendiri mengecap Qur'ān. Tetapi langkah ini hanya untuk dakyah dan mengabui mata negeri Arab oleh kerana tidak ada kanak-kanak lelaki atau pun perempuan di Soviet Rusia yang tahu membaca tulisan-tulisan Arab, tulisan-tulisan Arab memang telah diharamkan di negeri itu.

*Nazārah al-Dīniyyah* (Pejabat Agama) di Tashkent, adalah sebuah Jabatan Pemerintahan. Presidennya, Qādī Ḍiyāu' al-Dīn, mendapat gaji 7,000 rubel dan dua buah motokar. Semua kakitangan *Nazārah* ini adalah kakitangan pemerintahan.

Tujuan *Nazārah* atau lebih kurang Jabatan Agama, ialah menggalakkan pelajaran-pelajaran agama tetapi dengan diadakan

kawalan bagi pihak pemerintahan pusat yang telah menubuhkan jabatan-jabatan seumpamanya ini dalam empat kawasan lain yang kawasan-kawasan orang-orang Islam telah dibahagi-bahagikan dalam Soviet Union.

Beberapa orang Islam dibenarkan pergi menunaikan Haji atau pun melawat ke negeri-negeri Islam. Mereka tinggal dalam kegelapan. Mereka tidak pernah baca surat khabar-surat khabar dari negeri lain atau pun berjumpa dengan orang-orang yang datang dari lain negeri. Pendek kata, tiap-tiap orang Islam di Soviet Union tidak tahukan hal orang-orang Islam di Soviet Union itu sendiri. Mereka

dibahagi-bahagikan mengikut keturunan, puak dan bahasa yang demikian tidak ada peluang bagi mereka boleh bersatu.

Semua bahasa orang Islam seperti Uzbuki, Tajiki, Tatari dan Kazaki yang dahulunya ditulis dengan tulisan Arab, telah dipaksa supaya ditulis dengan huruf Rusia.

Rakyat jelata hidup sebagai hamba. Peraturan-peraturan *Iqtisād* di Uzbekistan, Kazakhstan dan lain-lain kawasan Islam adalah terang menurut cara feudal. Mereka tidak boleh memilih kerja dan cara hidup mereka. Mereka terikat bekerja di ladang-ladang kongsi, kilang-kilang dan



*Tarian “Kuda Hitam” satu tarian asli sedang ditarikan oleh seorang bangsa Kazakh dari daerah*

*Altai di Timur Turkistan.*

berbagai-bagai perusahaan yang ditadbirkan oleh pemerintahan.

Mereka tidak boleh berhenti kerja kerana mencari

lain kerja yang lebih disukainya. Hukumannya ialah bunuh.

Pasaran, modal dan perusahaan semuanya tidak bebas.

Segala-galanya adalah terpulang kepada negara.

Tetapi perkara yang menarik perhatian saya di kawasan-kawasan Islam di Asia Tengah cara pemerintahan feodal yang disatukan dengan cara penjajahan komunis.

Lebih kurang 53 peratus penduduk Kazakhstan telah ditukar berkehidupan cara Rusia. Orang-orang Rusia memegang jawatan-jawatan yang tinggi. Kedudukan *iqtiṣād* orang-orang Islam dijadikan bergantung bergantung semata-mata kepada

Rusia.. Uzbekistan dan Tajikistan telah dijadikan

ladang kapas negara seluruhnya dan dua kawasan

inilah menjadi punca yang mengeluarkan kapas bagi

seluruh Soviet Union. Makanan memang kurang dan

kami tidak nampak ada sebuah pun ladang gandum

pihak yang berkuasa menerangkan kepada kami bahawa gandum

dibawa masuk dari Ukraine. Di Tashkent hanya ada

sebuah kilang tenun kain dan sebuah lagi

di Tajikistan. Kapas mentah semua dihantar ke Rusia..

Lebih kurang 80 peratus jumlah kapas Soviet Union

adalah hasil dari Uzbekistan dan Tajikistan.

Di ladang kongsi Lenin di bandar Stalinabad, kami

lihat hanya beberapa buah rumah kayu. Rumah-rumah ini kecil

mempunyai dua atau tiga bilik sahaja. Tetapi 95

peratus daripada pekerja-pekerja di ladang kongsi seluasnya

9,880 hektar tinggal di rumah-rumah kecil yang dibuat

daripada tanah liat dan rumput-rumput. Kebanyakan peladang-peladang

ini adalah orang-orang Muslim Tajik. Mereka mempunyai

sebuah kebun sayur yang kecil tetapi kehidupan

mereka adalah lebih buruk dari peladang-peladang Rusia

di Moscow.

Di Tashkent, kami lihat orang-orang Rusia

menduduki semua kawasan sempit dan meleset dengan

rumah-rumahnya dibuat daripada tanah liat. Sungguhpun begitu,

orang-orang Islam ini lebih suka tinggal di rumah-rumah yang

kecil ini kerana mempunyai taman untuk bertanam

sayur-sayuran dan pokok-pokok buah-buahan.

Kami juga diberitahu bahawa dibawah pemerintahan

Stalin, rakyat jelata selalu sahaja dengan mengejut

disuruh pindah beramai-ramai. Rumah-rumah, harta benda kampung

halaman mereka semuanya dirampas dengan tidak mendapat

bayaran ganti rugi, atau diberi kawasan lain.

Pada masa sekarang langkah ini ada berkurangan sedikit.

Sejumlah besar daripada orang-orang Islam, hampir

ke semuanya sekali orangnya yang ada sekarang ini dan

95 peratus daripada kaum muslimin, sudah pun

terpisah sama sekali dengan ajaran-ajaran Qur'ān dan kebudayaan

Islam. Hanya 5 peratus daripada orang-orang muslim yang

sudah tua, masih pergi ke masjid dan mengerti makna

kalimah, membaca Qur'ān dan bersembahyang.

Turkistan, tempat tumpah darah kaum Turanian yang

bersejarah, memang terkenal sebagai kawasan yang berpegang

teguh kepada kebudayaan dan adat lembaganya semenjak

beberapa kurun. Orang-orang Rusia dalam masa pemerintahan

Tsar telah cuba hendak menindas orang-orang Islam di Asia

Tengah, tetapi mereka mendapat penentangan yang hebat. Orang-orang

*Russian* dalam zaman pemerintahan Soviet telah menjayakan

langkah ini. Mereka bukan sahaja telah memperhambakan

orang-orang Islam tetapi telah membahagi-bahagikan mereka dan

cuba menukar mereka daripada orang-orang Islam menjadi orang-orang Rusia yang tidak percayakan agama.

Orang-orang *Russian* “merah” dengan taat setia telah menurut jejak langkah datuk nenek. Mereka dengan membahagi-bahagikan Turkistan menjadi beberapa buah negara kecil iaitu Kazakhstan, Uzbekistan, Bajikistan, Kyrgyza, Turkmenistan dan Azerbaijan.

Ada juga lain-lain negara atau kawasan yang ramai penduduk-penduduknya terdiri dari orang-orang Islam seperti di Tataristan, tetapi mereka semua juga telah dipecah-pecahkan.

Pada tulisan kertas sahaja, orang-orang komunis menurut isytihar Lenin, telah memberikan hak-hak dan kebiasaan-kebiasaan kepada republik-republik ini. Menurut perlembagaan Soviet, negara-negara ini adalah negara-negara yang berdaulat penuh.

Tetapi hal yang sebenar adalah sebaliknya. Perkara-perkara yang berlaku di sana tidaklah sebagaimana yang dilihat oleh dunia luar. Kedaulatan dan kemerdekaan, kebangsaan dan taraf negara Uzbekistan, Kazakhstan dan lain-lain republik, tidaklah benar tetapi palsu. Kuasa pemerintah bukanlah terletak di dalam tangan rakyat jelata tetapi di dalam tangan pegawai-pegawai junta parti komunis Soviet di bandar Moscow yang menjalankan segala pemerintahan Soviet Union. Mereka menjadi perkakas parti komunis di Moscow.

Dari segi demokrasi, semua pilihanraya di sana adalah palsu. Parti komunis menguasai semua rakyat dan tiap-tiap kaum buruh dipaksa supaya memilih ahli parti. Parti pembangkang memang tidak ada, calon pembangkang pun tidak ada.

Seluruh Soviet Union dengan majlis tertinggi atau presidium parti komunis pusat sebagai pemerintahnya adalah menjadi sebuah negara kuku besi. Apa juga corak kebiasaan memang tidak ada.

Darjah hidup kaum pekerja di ladang-ladang dan di kilang-kilang adalah lebih rendah dari pekerja-pekerja di negeri Timur. Makanan kaum peladang di Punjab, Pakistan adalah lebih baik dari makanan peladang-peladang Rusia. Sudah tentu kehidupan kaum peladang di Pakistan dan India yang bebas, adalah lebih baik dari kehidupan kaum peladang *Russian* di ladang-ladang kongsi yang terikat dengan pekerjaan sama ada suka atau tidak dan mereka tidak boleh meninggalkannya kerana mencari lain kerja.



Ubat beranak yang masyhur ini sangat digemari oleh ibu-ibu yang beranak di serata Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Siam.

Dengan menggunakan ubat ini **tak payahlah berdiang – tak payahlah bersalai**, badan sentiasa sihat dan segar.

**Sekotak \$15.50 cukup untuk penggunaan sekali beranak. Tambah belanja pos 60 sen.**

YAHYA ARIFF

37, Jalan Kangsar, Kuala Kangsar.